

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH



**RAHSIA
YANG
TERPENDAM**

2092
AM

KAMAL AMIR


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

**RAHSIA
YANG
TERPENDAM**

KAMAL AMIR



PUSTAKA PERDANA



1008274



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



TENGGU RAZALEIGH HAMZAH RAHSIA YANG TERPENDAM

Penerbit : Putrajaya Bumi Communication Sdn. Bhd.
210 Blok D Aras 2, Kelana Business Centre,
Jalan 7/26, Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan
Email: pjbc kj@yahoo.com

Dicetak oleh : Percetakan Tatt Sd. Bhd.
Batu Caves, Selangor.

Izin penerbitan : ISBN 978 983 43367 5 2
Cetakan pertama : MEI 2010

*Hakcipta @Kamal Amir terpelihara.
Semua bahan bahan yang terkandung didalam buku ini
tidak boleh disalin semula dalam sebarang bentuk
samada secara media cetak, fotokopi, rakaman video
atau sebarang bentuk elektronik tanpa mendapat
persetujuan terlebih dahulu dari penerbit.*



DARI PENERBIT

Terlebih dahulu kami ingin melafazkan rasa syukur kehadiran Ilahi kerana dengan izinnya maka buku berjudul “Tengku Razaleigh Hamzah RAHSIA YANG TERPENDAM” karya Dato’ Kamal Amir dapat diterbitkan.

Kami berkeyakinan dengan lahirnya buku ini sudah pasti satu lagi rakaman sejarah berhubung kehidupan serta perjalanan seorang pemimpin yang banyak menyumbang khidmat bakti kearah pembentukan negara untuk berada ditahap gemilang dapat dibaca bukan sahaja bagi generasi kini malahan ia pastinya bakal ditatap untuk generasi akan datang.

Mungkin keseluruhan warna kehidupan Yang Berhormat Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah tidak dapat dirakam sepenuhnya melalui sebuah buku seperti ini, namun paling tidak ia tentulah dapat menambah pengetahuan umum serta seluruh generasi



untuk mengenali watak, keperibadian serta perjuangan seorang tokoh yang begitu lama bergiat dalam dunia politik.

Sejak terasasnya syarikat penerbitan ini kami memang berhasrat untuk menyumbang saham dalam usaha kerajaan menjadikan budaya membaca terus subur dan berkembang. Bertolak dari kesedaran itulah kami percaya dengan kelahiran buku ini paling tidak ia dapat mencapai matlamat sedemikian.

Kepada semua pihak yang sudi menghulur pelbagai bentuk bantuan samada secara moral mahupun material hingga buku ini berjaya diterbitkan, tiada kata termampu kami lafazkan selain dari ungkapan “jutaan terima kasih” semoga setiap budi luhur yang diberikan itu hanya Allah jua akan membalasnya.

Selamat membaca.

Hormat dari kami

PUTRAJAYA BUMI COMUNICATIONS





ISI KANDUNGAN

<u>DARI PENERBIT</u>	<u>2</u>
<u>SEKADAR CATATAN</u>	<u>5</u>
<u><i>TUNKU ABDUL RAHMAN</i></u>	
<u>MEMORI YANG TERLUKA</u>	<u>11</u>
<u><i>TUN ABDUL RAZAK</i></u>	
<u>LEGASINYA DIKHIANATI</u>	<u>30</u>
<u><i>TUN HUSEIN ONN</i></u>	
<u>DILEMA DAN KESALAN</u>	<u>77</u>
<u><i>TUN DR. MAHATHIR MOHAMED</i></u>	
<u>SENGKETA YANG TIDAK DIUNDANG</u>	<u>126</u>
<u><i>ABDULLAH AHMAD BADAWI</i></u>	
<u>AKHIR SEBUAH IMPIAN</u>	<u>161</u>
<u><i>DATO' SERI NAJIB</i></u>	
<u>JALAN SERIBU LIKU</u>	<u>192</u>
<u><i>DATO' SERI ANWAR IBRAHIM</i></u>	
<u>MENITI DENAI MENGHITUNG HARI</u>	<u>214</u>
<u><i>TENGGU RAZALEIGH HAMZAH</i></u>	
<u>BIODATA SEPINTAS LALU</u>	<u>229</u>
<u>WASIAT RAJA - RAJA MELAYU</u>	<u>237</u>



SEKADAR CATATAN

Satu ketika dahulu saat bergiat dalam Pergerakan Pemuda Umno era Tun Dr. Mahathir Mohamed menjadi juragan utamanya, saya seringkali dikhabarkan dan dinyatakan bahawa manusia bernama Tengku Razaleigh Hamzah atau lebih mudah dipanggil “Ku Li” merupakan *antagonis* bangsa yang bercita-cita besar menjadi teraju negara. Satu ketika dahulu juga saya sering dipupuk oleh pimpinan parti “Umno Baru” bahawa Ku Li bertanggung jawab menghancurkan Parti Melayu Umno yang diasaskan zaman Allahyarham Dato Onn pada tahun 1946 kesan pertandingan merebut jawatan Presiden parti pada 24 April 1987.



Dan satu ketika dahulu juga kesan dari pelbagai ngomelan politik itu, di sudut hati kecil saya melihat Tengku Razaleigh Hamzah (dari jauh) sebagai orang yang tidak perlu dihampiri kerana pelbagai cerita sering dihebahkan tentang rakus, ghairah dan besarnya hajat “putera Kelantan” ini mahu mengapai cita-citanya berada di anjung kuasa dalam rumah Umno.

Malahan satu ketika dahulu juga saya pernah menulis sebuah buku berjudul “*Umno Parti Haram*” yang begitu banyak menyalahkan Tengku Razaleigh Hamzah kesan terpengaruh dari pelbagai bentuk propaganda politik disamping kecintaan yang teramat mendalam terhadap perjuangan Umno untuk membela mertabat Agama Bangsa dan Negara.

Sesungguhnya memang saya akui bahawa saya bukan sahaja tidak mengenal peribadinya malahan terlalu jauh dari mendekati seorang insan bernama Tengku Razaleigh Hamzah. (Mungkin itulah kesilapan amat mahal yang harus saya pikul hingga saat ini). Saat negara berada dibawah teraju rejim Abdullah Ahmad Badawi, rakyat mulai meragui arah tuju pimpinannya, Umno berada pada musim paling gerhana, untung nasib bangsa amat terdesak.

Dan pada saat itu saya berkesempatan berbual dengan saudara Ahmad Jadawi Dato’ Ghazali yang menyatakan catatan sejarah perjuangan Umno kian jauh terpesong serta perlunya diperbetulkan beberapa kesilapan fakta menyentuh jalur perjalanan, kepimpinan dan perjuangan Umno.



Sebetulnya saya sudah agak lama “*pencen*” atau bersara dari kegiatan menulis kerana terlibat dalam dunia korporat. Namun sahabat baik saya yang juga merupakan penulis tanpa lelah saudara Syed Hussin Al-Atas “Pak Habib” seringkali meminta agar saya kembali menulis kerana saat itu musim gerhana membayangi mungkin panjang lestari mendungnya untuk menjadikan umat Melayu berada dalam situasi tidak menentu.

Kesan dari perbualan dengan teman-teman penganalisa politik tanah air saya mula merasakan ada sesuatu yang telah terjadi dalam arus perjalanan perjuangan bangsa. Malahan bagaikan ada beberapa fakta cuba disembunyikan serta tidak didedahkan kepada umum khususnya menyangkut persoalan kepimpinan negara.

Terdapat beberapa kisah menarik yang tidak saya ketahui sebelum ini masih tersembunyi. Media arus perdana terus sepi dari menerbitkan cerita benar yang sebenar-benarnya. Dari pelbagai sesi minum petang bersama teman dan kenalan baru, saya mula mengetahui sedikit demi sedikit “*kisah benar*” yang selama ini bagaikan sengaja disembunyikan berhubung seorang insan bernama Tengku Razaleigh Hamzah.

Waktu itu timbul satu keinginan untuk saya mendekatinya atau mencari kesempatan bertemu dengan pemimpin yang digambarkan sebagai “*antagonis bangsa*”. Memang pada mulanya jauh disudut hati saya merasakan tentulah agak sukar kerana tidak mungkin dia lupa terhadap setiap catatan dan